

International Journal of 'Umrānic Studies

Jurnal Antarabangsa Kajian 'Umrān

المجلة العالمية للدراسات العمرانية

Journal homepage: www.unissa.edu.bn/ijus

CABARAN MEDIA SOSIAL TERHADAP PENDIDIKAN AQIDAH ISLAM

Hambali Jaili¹, dan Halimaturradiah Metussin²

^{1&2}Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa

Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam

¹hambali.jaili@unissa.edu.bn

²radiah.metussin@unissa.edu.bn

Vol. 6, Issue 1 | January 2023

KEYWORDS

Golongan Muda, Media Sosial, Pendidikan Islam

ABSTRACT

Teknologi moden telah memberi impak yang amat besar terhadap kehidupan masyarakat khususnya golongan muda. Jika zaman dahulu, dunia kanak-kanak dipenuhi dengan aktiviti fizikal bermain di luar rumah, berbasikal, beriadah dan sebagainya, namun golongan muda pada abad ke 21 pula terdedah kepada penggunaan pelbagai peralatan teknologi seperti televisyen, internet, komputer, telefon pintar. Akses Internet mudah didapati dimana-mana di samping penggunaan meluas pelbagai peranti gajet seperti telefon pintar menjadikan maklumat mudah diakses dihujung jari. Penggunaan media sosial di samping memberi manfaat juga memberikan kesan yang buruk jika disalahgunakan sebagai alat untuk menyebarkan fitnah dan maklumat yang salah dan tidak tepat. Berdasarkan pelbagai kajian, media sosial memberi kesan terhadap sahsiah diri terutama aspek sosio-psikologi golongan muda. Hak individu dan kebebasan bersuara sering digunakan bagi membolehkan mereka melakukan serta meluahkan sesuatu tanpa batasan. Terdapat dua cabaran utama yang harus dihadapi dalam pendidikan Islam iaitu: pertama, jurang ilmu antara pendidik dengan golongan muda; dan kedua, kefahaman akidah yang betul dalam kalangan golongan muda.

1 PENDAHULUAN

Media massa mempunyai peranan yang sangat penting dalam era globalisasi kini. Era globalisasi memiliki pengaruh yang kuat di setiap dimensi kehidupan masyarakat. Media

sosial merupakan salah satu bentuk kemajuan teknologi informasi dan komunikasi. Peranan komunikasi sangat penting untuk menentukan penyampaian informasi. Sejajar dengan kemajuan teknologi komunikasi yang kian pesat,

maka kaedah komunikasi juga turut mengalami kepesatan perkembangannya. Hal ini disebabkan penyaluran dan perkongsian maklumat melalui media sosial lebih cepat dan pantas bahkan menjadi pencetus minda masyarakat kita ke arah lebih kreatif dan kritis.

Manakala era globalisasi memiliki pengaruh yang kuat disegala dimensi kehidupan masyarakat. Globalisasi pula dianggap sebagai proses yang meletakkan dunia di bawah satu unit yang sama tanpa dibatasi oleh sempadan dan kedudukan geografi sesebuah negara. Dunia tidak lagi mempunyai sempadan. Menurut Anderson dan Taylor (2013) mengatakan globalisasi merupakan satu proses peningkatan jaringan dan saling bergantungan antara satu masyarakat dengan satu masyarakat yang lain. Menerusi globalisasi, negara-negara didunia ini tidak lagi dilihat sebagai sebuah entiti yang berasingan malahan negara-negara ini saling berhubungan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti kegiatan ekonomi yang mana lama-kelamaan negara-negara tersebut saling bergantungan antara satu sama lain.

Menurut pandangan Islam, remaja telah mula ditaklifkan dengan hukum-hukum Islam dan mereka mempunyai tanggungjawab yang penting kepada diri mereka, keluarga dan masyarakat (Ally, 1997; Hassan al-Anani, 1990; Abu Dawud, 1989: 832-833). Berbanding dengan generasi terdahulu, proses sosialisasi dan kematangan pada masa kini berlaku dengan keadaan yang berbeza-beza berdasarkan kepada faktor persekitaran yang ada. Pada asasnya, gaya kehidupan remaja Islam tidak boleh disamakan dengan gaya hidup remaja barat kerana remaja Muslim perlu dididik dengan nilai-nilai keislaman dan yang berteraskan kepada tauhid dan akhlak Islam (Tamuri, 2015:4-5). Mereka perlu diberikan pengetahuan dan juga maklumat yang sesuai dengan prinsip-prinsip dasar hukum Islam khususnya melalui media sosial bagi memastikan mereka mempunyai perkembangan rohani, emosi, dan intelektual yang mantap

serta boleh membezakan perlakuan yang benar dengan yang salah.

2 PERANAN MEDIA SOSIAL DALAM PENDIDIKAN

Pada era masakini, media sosial merupakan platform komunikasi yang sangat tersebar luas dan digunakan oleh majoriti penduduk dunia. Ini kerana media sosial merupakan sejenis media yang digunakan terus secara talian dengan membolehkan para pengguna dengan mudah untuk menyertai, berkongsi, dan mencipta isi meliputi blog, rangkaian sosial, *wiki*, forum dan dunia virtual. Blog, rangkaian sosial dan *wiki* juga merupakan bentuk media sosial yang paling umum digunakan oleh masyarakat di seluruh dunia. Mengikut kaji selidik pihak AITI, jumlah pengguna bagi Aplikasi *Whatsapp* kini berjumlah 97.3 peratus, *Facebook* 91.7 peratus dan *Instagram* 87.4 peratus (Jabatan Penerangan, 2018).

Andreas Kaplan dan Michael Haenlein (2010) mendefinisikan media sosial sebagai "sebuah kumpulan aplikasi berdasarkan internet yang membangun atas dasar ideologi dan teknologi Web 2.0, dan yang membolehkan penciptaan dan pertukaran (*user-generated content*). Disamping itu juga, jaringan sosial merupakan laman di mana setiap orang boleh membuat laman web secara peribadi, untuk berhubung dengan rakan-rakan bagi perkongsian maklumat dan komunikasi. Antara jaringan sosial yang sering digunakan adalah *Facebook*, *Myspace*, *Twitter*, *Instagram* dan sebagainya. Jika media tradisional menggunakan media cetak dan media penyiaran sebagai medium, media sosial pula menggunakan teknologi internet. Media sosial mengajak sesiapa sahaja yang berminat untuk berinteraksi dengan memberi sumbangan dan maklum balas secara terbuka, memberi komen, serta berkongsi maklumat dalam masa yang cepat dan tidak terhad.

Selari dengan kemajuan teknologi Internet dan telefon pintar media sosial juga ikut berkembang dengan pesat. Kini untuk

melayari facebook atau twitter misalnya, boleh dilakukan tanpa mengira waktu dan lokasi hanya dengan menggunakan telefon pintar. Begitu pantasnya seseorang boleh melayari media sosial mengakibatkan terjadinya fenomena besar terhadap arus maklumat di seluruh dunia. Justeru itu kelajuan media sosial juga mula tampak menggantikan peranan media konvensional dalam menyebarkan sebarang informasi dan maklumat.

Teknologi telah memainkan peranan yang amat penting di dalam dunia pendidikan. Ia merupakan sumber untuk melancarkan lagi kegiatan pembelajaran dalam menimba ilmu pengetahuan. Potensi penggunaan teknologi dalam pendidikan adalah untuk meningkatkan produktiviti dalam sistem pendidikan. Penggunaan media sosial dalam Pengajaran dan pembelajaran (P&P) adalah penting seiring dengan perkembangan dunia pendidikan moden pada masa kini. Pengintegrasian penggunaan media teknologi dalam P&P akan menjadikan ia lebih menarik dan produktif. Penggunaan media teknologi maklumat yang menggabungkan teknik suara, bunyi, gambar, video serta teks telah mewujudkan suasana P&P yang menyeronokan dan kondusif. Dengan adanya teknologi Internet dan jaringan media sosial, dunia pendidikan dapat diajarkan dan disampaikan melalui pelbagai medium antaranya:

- *Facebook*

Pendidikan pada abad ke 21 ini lebih memfokuskan kepada aplikasi teknologi maklumat ICT untuk P&P yang lebih efisien. Bermula dengan populariti *Facebook* sebagai media sosial untuk saling mengenal dan berkongsi maklumat di rangkaian sosial, kini ia telah popular di seluruh dunia untuk tujuan pendidikan. *Facebook* merupakan media sosial paling popular dalam kalangan pelajar dan masyarakat (Boyd & Ellison, 2008). Ia juga merupakan satu platform kepada pelajar dan pensyarah untuk dengan lebih dekat dan mesra dalam meningkatkan proses

pengajaran dan pembelajaran. Kajian Robin (2008) telah membuktikan para remaja pada masa kini lebih selesa untuk berinteraksi dalam laman sosial *Facebook* daripada bersemuka terutamanya bagi pelajar yang pendiam. Penggunaan *Facebook* secara tidak langsung akan mendorong para pelajar untuk meningkatkan minat belajar dan aktif serta berani menyuarakan pendapat dalam P&P.

Melalui laman sosial *Facebook* maklumat mengenai isu semasa, pendidikan dan teknologi amat mudah dan cepat diakses. Kemudahan teknologi media melalui penggunaan laman *Facebook* yang disediakan menyebabkan penggunanya meningkat terutamanya di kalangan remaja dan para pelajar. Menerusi laman *Facebook* ia boleh meningkatkan sistem pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang tertakluk kepada percambahan evolusi sosio teknologi zaman kini dengan berkongsi maklumat dan bahan akademik terutamanya para pelajar dapat berkongsi artikel dan bahan rujukan. Bahan dan maklumat rujukan ini boleh ditujuk secara berterusan dengan 'follow' menggunakan laman *Facebook*. Hal demikian secara tidak langsung, ia dapat meningkatkan sistem P&P ke arah yang lebih berkualiti dengan kemudahan keberkesanan penyampaian maklumat (Md Saad dan Ismail, 2005).

- *YouTube*

YouTube merupakan salah satu media sosial teknologi yang popular dalam kalangan masyarakat dan kini, laman sosial *YouTube* bukan lagi sekadar digunakan untuk video peribadi, komersial dan sebagainya malah digunakan sebagai salah satu medium pengajaran dan pembelajaran (P&P) (Keong dan Abu, 2013). *YouTube* juga satu medium yang boleh dihubungkan dengan aplikasi rangkaian laman web lain seperti blogs, wiki dan sebagainya dan secara tidak langsung memberi implikasi keberkesanan

pembelajaran dengan dapatan maklumat yang pantas (Embi, 2011:203). Kewujudan media elektronik seperti *YouTube* telah merancakkan lagi perubahan teknologi pendidikan di kalangan pelajar dan warga pendidik dalam menggunakan aplikasi ini.

YouTube bukan hanya berbentuk hiburan semata-mata seperti muzik atau lagu, animasi kartun dan filem tetapi merupakan salah satu elemen berbentuk ilmiah yang digunakan untuk tujuan menyampaikan dan berkongsi maklumat dalam bidang perubatan, perniagaan dan pendidikan (Keong dan Abu, 2013). *YouTube* boleh menjadi satu alat pendidikan yang berpengaruh di kalangan pelajar dan pensyarah dan ia bergantung kepada cara penggunaannya. Saluran *Youtube* yang membekalkan maklumat pendidikan amatlah efektif bagi proses P&P (Duff, 2008). Penggunaan media teknologi *YouTube* berupaya menghasilkan satu suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik dan ia perlu dianggap sebagai satu peluang untuk mempelbagaikan proses P&P oleh pelajar dan pendidik dalam meningkatkan mutu pendidikan Negara.

menghabiskan masa lebih daripada tiga jam dalam sehari bagi melayari web untuk bersantai. Laman web untuk bersantai ini termasuk dengan laman web sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan sebagainya. Dapatan ini juga turut diakui oleh Fariza dan Muhammad (2010) bahawa *Facebook* merupakan antara laman web yang paling popular di Malaysia dan mendapat juga kebanyakan masyarakat di Malaysia yang ramai melayari web *Facebook* ini adalah dikalangan yang berumur 12 hingga 35 tahun.

Dengan nisbah pengunaan media sosial yang begitu tinggi, salah satu cabaran yang dihadapi adalah berkenaan dengan ketulenan atau kesahihan sesuatu berita atau maklumat yang dibaca di media sosial. Dengan informasi di hujung jari masyarakat khususnya para belia terdedah dengan pelbagai bentuk berita atau maklumat yang palsu. Sekiranya pembaca tidak berhati-hati dalam memastikan ketulenan sumber berita atau maklumat tersebut dan kemudiannya berkongsi berita atau maklumat palsu itu, ia akan mengakibatkan berita atau maklumat tersebut menjadi tular. Sedikit sebanyak perkongsian berita atau maklumat tidak sahih itu akan menjaskan atau memudaratkan mana-mana pihak yang terlibat dengan penularan berita atau maklumat tersebut.

3 CABARAN TERHADAP PELAJAR

Tidak dinafikan bahawa media sosial membawa banyak kebaikan kepada semua termasuklah dari aspek pendidikan. Namun demikian cabaran dan implikasi negatif yang timbul dari pengaruh media sosial juga terdedah bagi semua khususnya golongan remaja dan belia.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Wan Norina, Zaharah, Ahmad, Mohamed dan Ahmad Arifin (2013) mendapati melayari laman web merupakan aktiviti yang paling digemari oleh pelajar-pelajar di sebuah institusi pengajian dengan bertujuan untuk bersantai. Dari hasil kajian mereka juga menujukkan pelajar

- Berita Palsu

Selain menjadi tempat penyebaran berita atau maklumat palsu, media sosial juga dilihat sebagai medan atau alat untuk menyebarkan fitnah untuk menjatuhkan atau untuk memalukan seseorang. Perkara ini dilihat sebagai hampir normal pada masa sekarang dan ini adalah perkembangan yang tidak sihat bagi masyarakat Malaysia yang sedang menuju negara maju. Ini merupakan cabaran yang agak susah hendak ditangani kerana kebanyakan masyarakat Malaysia khususnya belia amat mudah terpengaruh dengan fitnah atau tohmahan yang terdapat dalam media sosial.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, pihak kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sememangnya memandang berat terhadap fenomena penularan berita dan maklumat palsu. Oleh itu kerajaan telah menguatkuasakan satu peraturan di bawah Bab 34, Akta Ketenteraman Awam (*Public Order Act*), Penggal 148, iaitu bahawa sesiapa yang sama ada secara lisan atau secara bertulis atau dengan apa jua cara lain, menyebarkan berita-berita palsu atau membuat kenyataan-kenyataan palsu yang mungkin menyebabkan orang ramai takut atau gundah gulana adalah melakukan kesalahan: Hukuman, denda BND\$3,000 dan penjara selama tiga tahun.

- **Pornografi**

Menurut kajian Sazili (2017) menyebutkan bahawa lebih 300 remaja berusia 13 hingga 17 tahun di Malaysia telah mula menonton pornografi seawal usia 10 tahun walaupun secara tidak langsung. Bahkan ada antara kanak-kanak berusia 10 tahun mendapat akses menonton pornografi secara tidak langsung menerusi pautan laman sesawang yang muncul secara tiba-tiba ketika menggunakan Internet, selain ada yang menontonnya menerusi perkongsian rakan sebaya.

Pergaulan tanpa batasan melalui aplikasi *WhatsApp*, *WeChat* dan pelbagai aplikasi '*Meet and Greet*' yang lain turut menyumbang kepada masalah sosial yang dihadapi oleh remaja ketika ini. Remaja, khususnya remaja perempuan, dilihat sebagai mangsa yang mudah untuk diperdaya oleh pemangsa-pemangsa seksual bagi pelbagai tujuan yang tidak bermoral. Perkara ini sememangnya merupakan salah satu cabaran yang nyata bukan sahaja bagi remaja, malah orang dewasa juga terperangkap dalam mainan yang dilakukan oleh pemangsa dalam media sosial. Berdasarkan kepada kajian tersebut, jelas menunjukkan situasi ini amatlah membimbangkan. Kesan daripada akses kepada bahan pornografi yang tidak terkawal boleh menyumbang kepada masalah sosial yang lain seperti rogol,

cabul dan sebagainya. Ini disebabkan oleh tiada kawalan oleh ibu bapa yang gagal memantau aktiviti anak-anak yang bebas melayari Internet dan disebabkan juga oleh perasaan ingin tahu dan meniru perlakuan yang tidak senonoh yang ditonton di Internet atau media sosial khususnya.

- **Cyber bully**

Raskauskas dan Stoltz (2007) mendefinisikan buli dalam kategori ini sebagai sebarang serangan bukan fizikal. Ia termasuk menghina, mengejek, menipu, mempersenda, menyebar berita palsu atau mengancam seseorang menggunakan medium siber.

Walaupun *cyberbullying* di rantau ini tidak begitu serius berbanding dengan negara-negara maju yang lain, namun ia semakin menular dan menunjukkan trend peningkatan dari tahun ke tahun. Menurut artikel berita yang dikeluarkan dalam surat khabar The Star Online yang bertajuk "*On the alert for cyberbullying*" bertarikh 11 April 2017, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh pihak CyberSecurity Malaysia, sebanyak 300 kes pembulian siber yang direkodkan pada tahun 2012, 512 kes pada tahun 2013, 550 kes pada tahun 2014, 442 kes pada tahun 2015 dan 529 kes pada tahun 2016 (Thye, 2017).

Selain itu, terdapat juga gejala pembulian siber seperti sindrom 'tall poppy' dalam media sosial yang mana ia merujuk kepada situasi yang mana pengguna media sosial akan memberikan komen-komen yang negatif bagi tujuan menjatuhkan maruah pengguna media sosial yang lain kerana mereka tidak senang melihat orang lain berada dalam keadaan yang lebih tinggi daripada diri mereka sendiri. Menurut artikel yang dikeluarkan oleh surat khabar Kosmo Online! Melalui artikel berita yang bertajuk 'Ramadan cegah sindrom negatif media sosial' yang bertarikh 14 Jun 2017, Sindrom *Tall Poppy* ini boleh diklasifikasikan sebagai satu gejala buli di

alam maya. Dalam satu kejadian, seorang pelajar cemerlang mendapat kecaman hebat kerana mengenakan alat kosmetik ketika ingin mengambil keputusan peperiksaan.

- Jenayah Siber

Berdasarkan dari statistik Pasukan Polis Di Raja Brunei mendedahkan bahawa 60% mangsa cabul atau rogol mengenali pemangsa secara online dengan 82% mangsa adalah di bawah umur 16 tahun. Besar kemungkinan data bagi kes yang tidak dilaporkan ada lebih tinggi berdasarkan pertambahan kadar mangsa yang berkaitan dengan jenayah siber. Pada bulan March 2015, 90 orang Brunei remaja telah terjerumus ke dalam jenayah siber dan mereka sekarang menjalani perlindungan dan pemulihan di bawah Akta Kanak-Kanak dan Remaja bertempat di Kompleks Rumah Perlindungan dimana mereka diberikan khidmat kaunseling, nasihat dan khidmat pemantauan (Chua Abdullah dan Metussin, 2016).

Selain cabaran-cabaran yang dinyatakan di atas, media sosial juga dijadikan sebagai tempat atau medan untuk mengukur populariti seseorang pengguna media sosial tersebut. Terma-terma seperti "*instafamous*", "*tweeting*", "*trending*" dan seumpamanya lahir daripada penggunaan media sosial pada masa kini.

4 CABARAN AQIDAH

Kewujudan media massa khususnya media baru telah membuka ruang yang tidak terbatas informasi serta maklumat yang berbagai-bagai sehingga membawa kepada masalah akhlak dan turut ancaman akidah umat Islam terutama kepada generasi muda yang tidak mempunyai asas Islam yang mantap (Tamuri dan Ismail, 2009). Kekurangan dan kecetekan agama adalah faktor utama berlakunya masalah akidah dan terdapat mereka yang terlibat menjelaskan

bahawa mereka tidak begitu memahami memahami konsep keimanan kepada Allah *Subhanallahu wa Ta'ala* dan RasulNya yang seharusnya menjadi benteng kepada kemaksiatan (Mohd. Salleh, 2015). Kefahaman yang syumul turut menjadi satu persoalan yang utama. Apakah mereka dapat memahami Islam sebagai *ad-Din* yang syumul atau sekadar memahami Islam sebagai masyarakat sekular memahami agama dalam ruang lingkup yang amat sempit sekali? Kegagalan mematuhi segala perintah Allah *Subhanallahu wa Ta'ala* adalah berasaskan kelemahan atau ketiadaan iman kepada Nya.

Malah dalam Islam, zaman remaja seorang Muslim adalah satu masa yang sangat penting kerana pada waktu tersebut mereka telah mula ditaklifkan dengan hukum-hukum Islam. Mereka tidak boleh disamakan dengan remaja barat. Maka, para remaja Islam perlu disosialisasikan dengan nilai-nilai ketimuran dan juga akhlak Islam. Mereka perlu diberikan pengetahuan dan juga maklumat tentang Islam yang sahih bagi memastikan mereka mempunyai perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelektual yang mantap yang boleh membezakan perlakuan yang halal atau haram. Globalisasi telah membuka semua ruang dan peluang kepada remaja untuk menerima apa juga bentuk pengaruh sama ada positif atau negatif. Pendekatan positif dan suasana kondusif perlu diwujudkan agar mereka dapat menerima maklumat dan pendidikan Islam dengan lebih berkesan.

Aliran pemikiran yang salah, kewujudan pelbagai pemikiran moden juga merupakan antara bentuk serangan pemikiran yang boleh merosakkan aspek pemikiran umat. Aspek pemikiran merupakan antara elemen yang memberi pengaruh terhadap tingkah laku manusia. Manusia akan bertindak mengikut apa yang difikirkan (Muhammed, 1992). Justeru itu, kita perlu serius memikirkan strategi untuk sentiasa pro-aktif membekalkan umat dengan sumber dan acuan pemikiran yang tepat bagi memastikan umat memiliki bentuk pemikiran

yang benar agar sasaran dakwah melaksanakan tindakan yang benar. Sebagai contoh, fahaman liberalisme, pluralisme, sekularisme, ajaran sesat, ISIS, DAESH memberikan ancaman terhadap pembentukan fahaman yang mengelirukan kepada masyarakat termasuk juga kepada generasi muda (Tamuri, Abd. Majid, Abdullah dan Shaharuddin, 2016). Antara faktor yang mungkin mempengaruhi ialah penguasaan bahasa Inggeris, kemudahan ICT, Globalisasi dan komunikasi tanpa batasan. Ini termasuk juga ancaman ajaran sesat dan khurafat yang masih berlaku dan memberikan ancaman kepada akidah umat Islam (Jasmi dan Tamuri, 2011).

Gerakan Kristianisasi memberi ancaman terhadap usaha dakwah khususnya terhadap umat Islam. Misionari Kristian menggunakan pendekatan meragi dan menggaram, *contextualization*, membawa berita gembira dan kasih sayang dalam mendekati sasaran untuk menerima doktrin Kristian yang dibahaskan oleh Ghazali Basri semenjak pada 1980 (Basri, 1980). Perkataan meragi dan menggaram berlaku apabila doktrin Kristian yang dipupuk terhadap sasaran Kristianisasi tanpa disedari manakala pendekatan *contextualization* dilaksana dengan sasaran menerima doktrin Kristian tanpa perlu menukar identiti diri. Pendekatan Kristianisasi ini berterusan sehingga kini dan ini memberi ancaman dalam usaha dakwah Islam terhadap umat Islam di negara ini.

5 PENUTUP

Kemajuan pesat teknologi maklumat dan komunikasi telah mencetuskan penggunaan media dalam bidang pendidikan bagi membantu para pendidik dan pelajar dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Penggunaan media teknologi amat penting pada era moden kini kerana ia memberi manfaat kepada pendidikan Negara dan membentuk modal insan yang pengetahuan. Penggunaan media sosial dalam dunia tanpa sempadan sama ada membawa kepada

kebaikan atau keburukan jawapannya terletak kepada pengguna media sosial itu sendiri. Kematangan berfikir penting bagi setiap individu yang menggunakan media sosial untuk menilai kebaikan dan keburukan setiap aktiviti di alam maya. Justeru pemantauan dari semua pihak khasnya ibu bapa, guru dan agensi yang berkenaan adalah penting bagi memastikan media sosial tidak digunakan bagi perkara yang mungkar dan salah.

6 RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulayman ibn al-Asti'ath al-Sijistani (1989). *Sunan Abi Dawud*. Vol. 3. Beirut: al-Maktab al-Islam.
- Anderson, M. L. dan Taylor, H. F. (2013). *Sociology: the essentials*. 8th Edition. USA: Wadsworth.
- Basri, G. (1980). *Kristianisasi sebagai sebuah gerakan satu tinjauan sosiologi*. Petaling Jaya: Budaya Ilmu.
- Boyd, D. M. dan Ellison, N. B. (2008). Social network sites: definition, history, and scholarship. *Journal of Computer-Mediated Communication*. 13: 210–230.
- Chua Abdullah, S. dan Metussin, H. (2016). Assessing Online Interaction of Bruneian Children. *CSPS Strategy and Policy Journal*. 6: 67-85.
- Duff, P. (2008). Engaging the YouTube Google – Eyed Generation: Strategies for Using Web 2.0 in Teaching and Learning. *The Electronic Journal of e-Learning*. 6(2): 119-130.
- Embi, M. A. (2011). *Aplikasi Web 2.0 dalam pengajaran & pembelajaran*. Malaysia: Pusat Pembangunan Akademik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Evolusi Media Sosial (2015). Cabaran Halangan Penggunaan Media Sosial di Malaysia. Dimuat turun daripada <http://evolusimediasosial.blogspot.com/2015/12/cabaran-halangan-penggunaan-media.html>

- Fariza, M. S. dan Muhammad, F. A. (2010). *Media Sebagai Tarikan Psikologi Dalam Dakwah*. Muzakarah Ulama' dan Cendiakawan Islam, Pejabat SUK Negeri Perak, Malaysia.
- Fauzi, N. (2017). *Penggunaan media sosial dalam dunia tanpa sempadan: suatu kebaikan atau keburukan*. Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan. Dimuat turun daripada www.ilkap.gov.my > download > kertaspenyelidikan > PMSDDTS18122017
- Hassan al-'Anani (1990). Freedom and Responsibility in Qur'anic Perspective, translated by M. S. Kayani. Indianapolis: American Trust Publication.
- Jabatan Penerangan (2018). Menyebarluaskan maklumat palsu dikenakan tindakan undang-undang. *Pelita Brunei*. Dimuat turun daripada <http://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita%202018/NewDisplayForm.aspx?ID=18641>
- Jasmi, K. A. dan Tamuri, A. H. (2011). *Dasar akidah muslim*. Skudai: Penerbit UTM.
- Kaplan, A. M. dan Haenlein, M. (2010). Users of the world, unite! The challenges and opportunities of Social Media. *Business Horizons*. 53(1): 59–68.
- Keong, T. C. dan Abu, C. (2013, Ogos). *Pengaplikasian Video YouTube: Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sains Sosial*. Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi 2013, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia.
- Laws of Brunei – Chapter 148
http://www.agc.gov.bn/AGC%20Images/LAWS/ACT_PDF/cap148.pdf
- Ally, M. (1997). "Islam" in Peggy Morgan and Clive Lawton (eds.), *Ethical Issues in Six Religious Traditions*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Md Saad, R. dan Ismail, Z. (2005). Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab berdasarkan Internet, dalam Ismail, Z. and Othman, M. S. (Penyunting), *Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia: cabaran dan inovasi*. Bangi: Minda Imtiyaz Publications, ISBN 983- 41799-2-8.
- Md. Zain, N. (2016). Berhati-hati viral maklumat. *Pelita Brunei*. Dimuat turun daripada <http://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Recana/NewDisplayForm.aspx?ID=286&ContentTypeID=0x0100AB69A555002494AB2FB40905279B027>
- Mohd. Salleh, N. (2015). *Penghayatan akidah, ketenangan hati dan ketenangan rohani pelajar sekolah menengah kebangsaan di Malaysia*. (Tesis Ph.D) Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mohd. Yusof, M. N. dan Tahir, Z. (2017). Kepentingan penggunaan media sosial teknologi maklumat dalam pendidikan IPTA. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 14(3): 1-10. 023 ISSN: 1823-884x.
- Muhammed, M. N. (1992) *Pengantar psikologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Rader, M. & Wilhelm, W. (2001). *Needed research in business education* (6 th Ed.). Little Rock, AR: Delta Pi Epsilon.
- Robin, B. (2008). The effective uses of digital storytelling as a teaching and learning tool dalam Flood, J., Heath, S. B. dan Lapp, D. (Penyunting), *Handbook of Research on Teaching Literacy through the Communicative and Visual Arts*, (Vol. 2, pp. 429-440). United Kingdom: Informa UK Limited.
- Public Order, Rosenberg, M. (2001). Dimuat turun daripada *E-learning strategies for Delivering Knowledge in the Digital Age*. USA: Mc Graw Hill. ISBN 0-07-136268-1.
- Raskauskas, J. dan Stoltz, A. D. (2007). Involvement in Traditional and Electronic Bullying Among Adolescents. *Developmental Psychology*. 43(3): 564-575.
- Sazili, S. (2017). Ketagihan pornografi cetuskan pemangsa seksual. *Berita Harian*. Dimuat turun

daripada

<https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2017/10/340543/ketagihan-pornografi-cetuskan-pemangsa-seksual> Tamuri, A. H. (2015) Educating Teacher for Muallaf: The Tawhidic Base. *Journal Hadhari*. 7(2): 1-10.

Tamuri, A. H. dan Hussin, N. H. (2016). Cabaran pendidikan Islam di era media sosial. *Malaysia Journal Online of Education*. 1(2): 37-43.

Tamuri, A. H. dan Ismail, Z. (2009). Hubungan antara pegangan nilai moral dengan media masa: Tinjauan ke atas remaja Melayu luar bandar. *SARI*. 27(1): 199-212.

Tamuri, A. H., Abd. Majid, M., Abdullah, M. Y. M. dan Shaharuddin, S. A. (2016) "Dakwah Terhadap Kaum Cina Di Malaysia: Peluang Dan Ancaman". *Persidangan Meja Bulat: Isu-isu Saudara Muslim Malaysia 2016*. Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.

Thye, L. L. (2017). On the alert for cyberbullying. *The Star Online*. Dimuat turun daripada

<https://www.thestar.com.my/opinion/letters/2017/04/11/on-the-alert-for-cyberbullying/>

Wan Norina, W. H., Zaharah, H., Ahmad, F., Mohamed, Y., dan Ahmad Arifin, S. (2013). Pengaruh media masa terhadap penampilan akhlak pelajar Islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*. 1(1): 17-27.